

# CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 31 Tahun 3

Julai 1996

ISSN 0128-8431

## MENINGKATKAN KUALITI PERDAGANGAN DALAM NEGERI

**K**ita telah menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke-VI (1990-1995), iaitu sebanyak 8.7 % setahun. Selain daripada sektor pembuatan dan pembinaan, sektor perniagaan borong dan runcit, termasuk hotel serta restoran, telah berkembang dengan pesat iaitu 10.6 % setahun, iaitu melebihi pertumbuhan ekonomi negara.

Sumbangan sektor borong dan runcit, hotel dan restoran kepada Keluaran Negara Kasar juga tinggi berbanding dengan sektor-sektor lain, iaitu 12.1 % pada tahun 1995. Kini, jumlah gunatenaga dalam sektor tersebut ialah 1.3 juta atau 16.2 % daripada jumlah gunatenaga keseluruhan. Dalam satu kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa terdapat hampir 260,000 pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti pemborongan, peruncitan dan katering, di mana 60 % daripadanya peruncit dan 9 % adalah pemborong.

Perdagangan borong dan runcit adalah salah sebuah sektor ekonomi yang terpenting, bertindak sebagai sektor perkhidmatan kepada pengeluar-pengeluar dan juga pengguna. Pemborong dan peruncit berperanan menyalurkan barang-barang keluaran pengilang atau pengeluar perkhidmatan.


Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-VII (1996-2000), perdagangan borong dan runcit dijangkakan terus berkembang dengan pesat pada kadar 9 % setahun, juga melebihi sasaran pertumbuhan ekonomi negara bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-VII, iaitu pada 8 % setahun. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) bertanggungjawab untuk menentukan bahawa suasana perniagaan berjalan dengan baik, di samping memelihara kepentingan pengguna.

Bagi menentukan kepentingan pengguna sentiasa terjamin, di antara lain Kementerian sentiasa memastikan para peniaga menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentusahkan,

menentukan penggunaan tanda harga bagi semua barang, di samping langkah-langkah lain bagi membanteras penyelewengan perniagaan melalui pelbagai undang-undang. Pejabat-pejabat Pendaftaran Feringgan dan

Pendaftaran Syarikat pula menentukan pentadbiran sistem pendaftaran perniagaan dan syarikat yang cekap. Kini, terdapat 395,000 syarikat telah ditubuhkan. Sementara terdapat 948,081 perniagaan di bawah Pendaftar Perniagaan sehingga akhir tahun 1995. Di bawah pendaftaran cap dagang, terdapat peningkatan permohonan sebanyak 15 % berbanding dengan tahun 1994, di mana 14,132 permohonan telah diterima dalam tahun 1995.

Pada awal November 1995, Kerajaan melalui KPDN & HEP telah menguatkauasakan dasar dan syarat-syarat penyertaan asing dalam perniagaan borong dan runcit. Syarat-syarat yang dikenakan meliputi ekuiti di mana syarat-syaratnya 30 % asing, sekurang-kurangnya 30 % untuk Bumiputera, syarat pelaburan minima dalam bidang tertentu dan had bilangan ekspatriat. Tujuan menggunakan dasar dan syarat-syarat perniagaan borong dan runcit adalah untuk menentukan perdagangan yang adil; dan untuk menggalakkan peniaga-peniaga tempatan dan bumiputera mengambil bahagian yang berkesan dalam perdagangan borong dan runcit yang semakin berkembang pesat.



YB. Dato' Hj. Abu Hassan  
Hj. Omar



# **Tingkatkan Keprofesionalan Pegawai**

**K**ursus Lanjutan Penyiasatan dan Pendakwaan Dalam Perkhidmatan ini adalah kursus yang kedua dianjurkan oleh Bahagian Penguatkuasa bagi tahun 1996 dan saya difahamkan sekurang-kurangnya tiga lagi kursus yang lain adalah dalam perancangan.

Melalui kursus-kursus seperti ini pegawai-pegawai dapat merapatkan hubungan di antara mereka, meningkat dan meluaskan pengetahuan dalam menjalankan tugas-tugas mengikut perkembangan-perkembangan baru, menyumbangkan idea-idea bagi memperkemaskan tugas-tugas dan meningkatkan keupayaan masing-masing.

Kursus seperti ini juga memberi peluang kepada bahagian untuk menanamkan nilai-nilai BAKA di kalangan pegawai-pegawai. Untuk meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam, kursus-kursus dalam perkhidmatan adalah satu komponen yang penting dan berguna dan sentiasa digalakkan oleh Kerajaan.

Saya difahamkan seramai 75 peserta yang menghadiri kursus ini adalah terdiri daripada dua pegawai penguatkuasa, lapan penolong pegawai penguatkuasa tingkatan kanan dan 65 penolong pegawai penguatkuasa tingkatan biasa yang datang dari semua cawangan di seluruh negara dan juga dari ibu pejabat yang terlibat secara langsung dalam menjalankan tugas-tugas penyiasatan dan pendakwaan di tempat kerja masing-masing. Sebagai pegawai-pegawai berpengalaman yang menjalankan tugas penting ini, tuan-tuan dan puan-puan perlu didedahkan kepada kaedah-kaedah penyiasatan dan pendakwaan yang berkualiti bagi mencapai sasaran pendakwaan, iaitu '*conviction*'.

Kursus ini menitikberatkan kepada siasatan dan pendakwaan berkualiti ketahap profesional. Meneliti dari program kursus, saya dapat ia merangkumi pelbagai aspek penyiasatan dan pendakwaan dengan memberi penekanan kepada

penyiasatan dan pendakwaan terhadap kesemua akta yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasa. Buat pertama kali juga kursus kali ini mendedahkan teknik-teknik '*reviewing*' eksibit berkaitan penyediaan keterangan pakar bagi tuntutan hakcipta karya muzik, filem dan sastera (komputer).

Pendedahan begini dapat membantu tuan-tuan dan puan-puan memahami perkara-perkara teknikal dalam industri terbabit di samping berpeluang mengikuti '*mock trial*' yang dikendalikan oleh pakar dalam bidang masing-masing.

*Petikan Ucapan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y. Bhg. Datuk Samsudin Osman yang dibacakan oleh Pengarang Bahagian Penguatkuasa Tuan Hj. Abdul Jabar Kamin di Majlis Perasmian Kursus Penyiasatan dan Pendakwaan Dalam Perkhidmatan pada 8 Jun 1996*



**Y. Bhg. Datuk Samsudin Osman**

**Penasihat**  
YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

## **Sidang Redaksi**

**Ketua Pengarang**  
Y.Bhg. Datuk Samsudin Osman

**Penasihat Pengarang**  
Prof. Mohd Hamdan Adnan  
Dr. Sothi S. Rachagan  
Encik Bisan Singh Bahadur

Pengedar: FOMCA

**Pengarang**  
Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi  
Encik Zulkipli Abu Bakar

**Penolong Pengarang**  
Encik Lim Ming Lee  
Puan P. Jayanthi

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang  
Warta CERMAT  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,  
Tingkat 23, Menara Maybank,  
100, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2329955  
Fax: 03-2389558

# Dialog Menteri dengan Persatuan Pengguna

Majlis Dialog Antara YB. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Negeri telah diadakan pada 27 Jun 1996.

Dialog tersebut merupakan acara tahunan yang bertujuan mendapatkan maklumbalas daripada Persatuan-Persatuan Pengguna berhubung dengan keberkesanan aktiviti-aktiviti kepenggunaan, isu-isu yang timbul dan

cadangan-cadangan untuk mengembangkan lagi program-program kepenggunaan. Maklumbalas yang diperolehi dapat membantu Kerajaan dalam usaha-usaha memajukan tahap kepenggunaan di negara ini.

Dalam majlis yang sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar telah menyampaikan bantuan kewangan kepada 12 Persatuan Pengguna dan FOMCA bagi membantu mereka menjalankan aktiviti-aktiviti kepenggunaan masing-masing.

Semasa merasmikan majlis dialog tersebut, YB. Dato' Menteri telah menyatakan penghargaan beliau terhadap sokongan dan penglibatan persatuan-persatuan pengguna dalam kemajuan konsumerisma. Namun begitu, beliau juga kesal dengan persatuan-persatuan pengguna yang tidak dapat berfungsi disebabkan oleh kepimpinan yang kurang berkesan.



Presiden Persatuan Pengguna Sabah (CASH), Encik Patrick Sindu sedang menerima cek daripada YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar.

## Mesyuarat Perancangan Strategik

Mesyuarat Perancangan Strategi (Laporan Pertengahan Tahun 1996) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah diadakan pada 4 hingga 7 Julai 1996 di Lumut, Perak.

Tujuan mesyuarat tersebut diadakan ialah untuk menilai pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN &

HEP) bagi pertengahan tahun ini serta merancang strategi bagi melaksanakan program dan aktiviti yang telah ditetapkan sepanjang tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar juga telah hadir pada sesi Persembahan Rumusan Pencapaian Program/Aktiviti KPDN & HEP pada 6 Julai 1996. Semua ketua bahagian KPDN & HEP telah membentangkan laporan prestasi bahagian masing-masing sehingga Jun tahun ini. Prestasi bahagian-bahagian telah dinilai untuk memastikan mereka memberikan sumbangan yang berkesan dalam memajukan perdagangan dalam negeri yang beretika serta melindungi pengguna.



Dato' Lee Lam Thye

Keputusan Kerajaan baru-baru ini untuk menghentikan pembinaan rumah kos rendah RM 25,000 di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) menghairankan saya. Saya sentiasa mempunyai pandangan bahawa penyediaan rumah kos rendah bagi keperluan perumahan bagi rakyat miskin dan golongan berpendapatan rendah adalah merupakan tanggungjawab sosial Kerajaan.

Apa yang menarik perhatian saya ialah alasan Kerajaan mengenai keputusan berkenaan. Menurut Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerajaan mengambil

membina rumah kos rendah ini jauh lebih baik daripada pihak sektor awam, Kerajaan juga memuji pihak swasta di atas sumbangan membantu Kerajaan menangani keperluan rumah untuk rakyat ini.

## PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH

keputusan tidak akan membina lebih banyak rumah kos rendah kerana rekod kurang memuaskan dan kegagalan untuk memenuhi saingan prestasi oleh pihak sektor swasta dalam pembinaan projek-projek rumah kos rendah.

Mengikut statistik, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) pemaju swasta telah membina 214,889 unit dari 261,386 rumah kos rendah yang diperuntukkan.

Sungguhpun pihak Kerajaan Negeri diberi peluang melaksanakan pembinaan rumah kos rendah ini, ia hanya berupaya mencapai 36.7 % sasarannya. Untuk tempoh tersebut, rumah kos rendah yang perlu dibina ialah 343,800.

Namun begitu, negeri seperti Selangor dan Melaka telah melaksanakan dengan baik bagi memenuhi keperluan rumah-rumah kos rendah ini. Pihak swasta telah berjaya

pihak pemaju swasta yang berjaya melaksanakan tugas membina rumah kos rendah ini harus merasa bangga di atas perakuan Kerajaan ini dalam sumbangan mereka memenuhi tanggungjawab sosial kepada negara.

Dalam hubungan ini, saya berkongsi pandangan dengan Presiden Pemaju-Pemaju Perumahan, Lawrence Chan bahawa pemaju-pemaju swasta harus merasa bangga dan mempunyai keyakinan untuk terus menghadapi cabaran yang lain bagi membantu menjayakan agenda sosial Kerajaan.

Jadi, jika sekarang Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menyerahkan tugas diambil alih oleh pemaju swasta bagi menjayakan projek-projek perumahan kos rendah pada masa akan datang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, saya percaya pihak

pemaju swasta juga akan menghadapi pelbagai cabaran utama. Adalah diharapkan Kerajaan tidak akan melupakan peranannya sepenuhnya tetapi akan mengambil beberapa langkah konkret bagi menangani pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh pemaju-pemaju swasta dalam membantu memenuhi harapan tinggi Kerajaan menangani masalah perumahan bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah di negara ini.

Sehubungan itu, saya merasakan perlu bagi Kerajaan mempertimbangkan komen daripada pihak Persatuan Pemaju Perumahan baru-baru ini yang menggesa sokongan penuh dan kerjasama daripada pihak Kerajaan dan pihak berkenaan yang terbabit dalam industri perumahan.

pembinaan juga boleh membantu menurunkan kos pembinaan.

Sektor kewangan boleh bekerjasama dengan menyediakan kadar faedah yang lebih rendah, pembekal barang pembinaan boleh menawarkan harga istimewa dan Kerajaan boleh memastikan supaya tidak ada berlakunya masalah kekurangan simen serta tenaga kerja. Sungguhpun rumah kos rendah ditentukan harganya RM 25,000 seunit, kos sebenar pembinaannya adalah lebih tinggi dan boleh mencapai kepada RM 40,000 seunit di kawasan-kawasan bandar.

Jika setiap pihak terbabit bersedia memainkan peranan masing-masing, ia boleh membantu mengurangkan kos pembinaan rumah kos rendah

(RM 25,000) dan rumah kos sederhana (di antara RM 25,000 hingga RM 60,000) akan dibina sebahagian besar oleh pihak pemaju swasta. Oleh itu, adalah perlu Kerajaan mengambil perhatian serius kepada pandangan dan komen pihak Persatuan Pemaju Perumahan.

Seperkara yang lebih penting ialah perlunya dipertimbangkan pembentukan sebuah Jawatankuasa Tertinggi seperti Jawatankuasa Kabinet bagi mengawasi pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Jawatankuasa Tertinggi seumpama ini harus mempunyai kuasa untuk menyediakan petugas yang akan memastikan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan memberikan kerjasama sepenuhnya membantu pemaju swasta membina rumah-rumah kos rendah.

Saya mengalu-alukan pembinaan lebih banyak rumah kos rendah ini dan saya berharap rumah-rumah tersebut akan dapat diberikan hanya kepada mereka yang miskin dan memerlukan. Diakui bahawa terdapat juga penyelewengan dalam pengagihan dan pelaksanaan program rumah kos rendah ini. Penyelewengan seumpama ini harus diatasi dengan mengadakan satu sistem yang lebih telus dalam pengagihannya dan kepada siapa yang benar-benar layak diberikan peruntukan rumah kos rendah.

Cadangan pendaftaran agihan berpusat adalah salah satu daripada penyelesaian masalah ini. Namun begitu, ia memerlukan peranan semua yang terlibat untuk menjayakannya dengan berkesan.

Penggunaan teknologi maklumat (IT) bagi mengumpul data, kelayakan dan pengagihan merupakan satu lagi jalan penyelesaiannya.



Rumah kos rendah perlu diberikan hanya kepada mereka yang miskin dan memerlukan.

Encik Lawrence Chan mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memperuntukkan kawasan tanah bagi pembinaan rumah kos rendah, menyegerakan kelulusan plan dan reka bentuk dan menyediakan kemudahan yang lebih berkesan serta sistem penghantaran yang lebih efektif adalah perlu mendapat pertimbangan pihak berkuasa berkenaan.

Saya juga berkongsi pendapat beliau supaya pihak lain yang terbabit dalam industri seperti institusi kewangan, pembekal barang

tersebut. Namun, apa yang lebih penting kepada Kerajaan Negeri adalah memberikan kerjasama mereka dalam meluluskan proses permohonan kawasan tanah untuk pembinaan rumah kos rendah ini.

Jika masalah-masalah berkenaan dapat diatasi, pembinaan rumah kos rendah boleh disegerakan dan lebih banyak unit akan dapat dibina segera bagi memenuhi keperluan rakyat. 70 % daripada 800,000 unit rumah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh mengandungi rumah kos rendah

FOMCA MENGANJURKAN

## Pertandingan Melukis Poster Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 1996

Bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada 5 Jun 1996, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menganjurkan pertandingan melukis poster. Objektif utama pertandingan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia akan perihal pentingnya memelihara alam sekitar. Pada masa yang sama, ia dapat mendidik mereka agar bertanggungjawab bagi menjamin alam sekitar yang mampan untuk warisan generasi akan datang menerusi aktiviti pendidikan pengguna.

Pertandingan Melukis Poster ini terbuka kepada para pelajar sekolah kebangsaan, sekolah menengah, kolej kerajaan dan swasta, maktab serta institusi pengajian tinggi. Penyertaan terbahagi kepada empat kategori:

- i) Kategori A - Pelajar Dalam Darjah 3 - 6
- ii) Kategori B - Pelajar Dalam Tkt. 1 - 3
- iii) Kategori C - Pelajar Dalam Tkt. 4 - 6
- iv) Kategori D - Pelajar di Kolej, Maktab dan Institusi Pengajian Tinggi.

**Tajuk:** 1. Krisis Alam Sekitar di Malaysia  
2. Mewah Dengan Hidupan Liar  
3. Menjelang Era Pemeliharaan Alam Sekitar

### Syarat-syarat Pertandingan:

- i) Bilangan poster tidak dihadkan kepada para peserta, tetapi hadiah hanya akan diberikan kepada satu poster yang terbaik sahaja.
- ii) Borang penyertaan boleh dibuat salinan. Setiap lukisan hendaklah diklipkan Borang Penyertaan Pertandingan Melukis Poster Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia pada sudut atas bahagian kanan kertas lukisan.
- iv) Saiz kertas lukisan mestilah 2' 8" x 10" (saiz manilakad) atau 1' 3" x 11" (saiz kertas lukisan)
- v) Para pelajar boleh menggunakan alat pewarna air, pewarna poster, crayon dan sebagainya. Maksimum warna yang boleh digunakan empat warna sahaja.

- vi) Hasil lukisan para peserta akan menjadi milik penganjur.
- vii) Keputusan hakim adalah muktamad.
- viii) Peserta boleh menggunakan sebarang tema.
- ix) Pemenang bagi setiap kategori A, B, C dan D akan menerima hadiah seperti berikut:

**Hadiyah Pertama:** RM 300/= berserta satu naskah buku Wawasan Alam Sekitar dan Sijil Penghargaan.

**Hadiyah Kedua:** RM 200/= berserta satu naskah buku Wawasan Alam Sekitar dan Sijil Penghargaan.

**Hadiyah Ketiga:** RM 100/= berserta satu naskah buku Wawasan Alam Sekitar dan Sijil Penghargaan.

**Hadiyah Saguhati Pertama:** RM 50 x 5 Orang berserta satu naskah buku Wawasan Alam Sekitar dan Sijil Penghargaan.

**Hadiyah Saguhati Kedua:** RM 30 x 5 Orang berserta satu naskah buku Wawasan Alam Sekitar dan Sijil Penghargaan.

\* Bagi semua peserta yang turut menyertai pertandingan ini akan menerima sijil penghargaan daripada pihak penganjur. Tarikh tutup pertandingan pada **18 September 1996**. Sila hantarkan lukisan anda kepada:

### Penyelaras

Pertandingan Melukis Poster Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 1996,  
FOMCA,  
No. 8, Jalan SS 1/22 A,  
47300 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.


\* Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Encik Jacob George atau Cik Nooraini Hj. Khaironi di No. Tel: 03-7762009.

Persatuan-persatuan dan Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

Tips Penjagaan Kesihatan

# MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MERAWAT

**M**encegah lebih baik daripada merawat. Inilah konsep terbaik yang perlu kita amalkan untuk penjagaan kesihatan yang berpanjangan. Kita juga tidak perlu menjadi ahli perubatan atau doktor untuk menjaga kesihatan masing-masing. Apa yang lebih penting ialah sistem amaran awal bagi penjagaan kesihatan. Banyak penyakit dapat dicegah sejak awal dan diubati sebelum melarap. Justeru itu, pemeriksaan kesihatan yang berterusan



*Ujian patut dilakukan bagi rabun mata (glaucoma), terutama untuk mereka yang melebihi usia 40 tahun.*

sangat perlu, terutama bagi anda yang berusia melebihi 40 tahun. Beberapa pemeriksaan penting yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- ✓ Air kencing mesti diperiksa bagi mengesan kemungkinan penyakit kencing manis (diabetes)
  - ✓ Tekanan darah mesti diperiksa dan dijaga supaya tidak berada pada tahap yang merbahaya. Ini membantu mencegah penyakit jantung.
  - ✓ Darah mesti diperiksa bagi mengesan paras kolesterol yang tinggi dan triglycerid untuk mencegah serangan koronari.
- ✓ Jika anda wanita berumur melebihi 25 tahun, anda perlu mengadakan ujian pap smear setiap tahun untuk mengesan tanda-tanda kanser pangkal rahim, iaitu tempat yang paling biasa diserang kanser.
  - ✓ Buah dada wanita patut diperiksa secara berkala untuk memastikan tiada ketumbuhan.
  - ✓ Ujian patut dilakukan bagi rabun mata (*glaucoma*) untuk orang yang melebihi 40 tahun.
  - ✓ Ujian sinar-X yang mudah pada dada untuk mengesan kemungkinan batuk kering atau kanser paru-paru.
  - ✓ Berat badan diperiksa secara berkala bagi memastikan ia berada pada tahap dibenarkan. Terlalu gemuk boleh menyebabkan kencing manis, penyakit koronari atau penyakit lain.

## Nafas Berbau dan Puncanya

**H**ampir 10 % daripada orang dewasa mengalami masalah nafas berbau. Sebab utama ialah perut sakit, mulut tidak dicuci sempurna atau lidah diselaputi warna putih yang tebal. Kajian sedunia menunjukkan 70 peratus masalah nafas berbau berpunca daripada lidah. Penyakit paru-paru seperti *bronchiectasis* juga boleh menyebabkan nafas berbau.

Ramai tidak mengetahui bahawa air liur berfungsi membunuh bakteria yang menyebabkan nafas berbau. Ia berkurangan apabila:

- Anda tidak makan dan minum agak lama.
- Anda dalam rawatan doktor dan perlu menelan ubat selalu.
- Umur anda meningkat.
- Anda bernafas melalui mulut.
- Anda menghadapi tekanan perasaan.
- Anda tidak cukup minum air.

Petua yang baik untuk menangani masalah-masalah tersebut ialah:

- Makan dan minum mengikut waktu.
- Kunyah beberapa bunga cengklik pada waktu pagi.
- Makan makanan masam.
- Jangan menghembus nafas sepenuhnya ke arah muka seseorang yang sedang bercakap dengan kita.
- Ketika memberus gigi, berus juga lidah anda dengan menggunakan *tongue clear*.
- Kumur dengan ramuan cecair anti bakteria yang terdapat di farmasi atau saluran jualan runcit yang lain.

## Sambungan dari hal.... 1

Kementerian bertanggungjawab memastikan peluang-peluang perniagaan seperti aktiviti-aktiviti gedung perniagaan, pasaraya, 'speciality shops', 'convenient stores', jualan langsung, stesen-stesen minyak dan sebagainya, baik bersaiz kecil mahupun besar, akan dinikmati oleh semua. Sementara itu, Kerajaan juga mengalau-alukan pengusaha-pengusaha asing untuk membuat pelaburan dalam sektor borong dan runcit kerana mereka dapat membawa teknologi-teknologi moden dan pengurusan lebih cekap yang boleh membantu memodenisasikan dengan lebih cepat dalam sektor borong dan runcit.

Ketidakseimbangan mengikut kaum masih jelas dalam bidang borong dan runcit. Penyertaan kaum masih jelas dalam bidang borong dan runcit. Penyertaan kaum bukan bumiputera masih tinggi daripada kaum bumiputera, walaupun terdapat tanda-tanda bahawa penyertaan kaum bumiputera telah bertambah dari masa ke masa. Pada tahun

1995, terdapat 11.1 % bumiputera dalam perniagaan borong, berbanding dengan 83 % oleh bukan bumiputera. Dalam perniagaan runcit pula, terdapat 37.1 % kaum bumiputera berbanding dengan 59.4 % bukan bumiputera.

Dalam hubungan ini, Kementerian telah merancang strategi yang bersepadan dan lebih tertumpu kepada membangunkan usahawan bumiputera dalam bidang-bidang tertentu yang berpotensi. Program khusus bagi pembangunan usahawan bumiputera yang telah dirancang adalah melibatkan kerjasama sektor swasta, iaitu pembekal-pembekal dan pengeluar-pengeluar bukan bumiputera, terutamanya dalam pembekalan, kredit, latihan dan pengurusan.

*Petikan Ucapan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar  
di Majlis Perasmian Seminar Perdagangan Dalam Negeri dan Wawasan Inflasi Sifar Bagi Wilayah Persekutuan pada 11 Julai 1996.*

**Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat-pejabat Penguatkuasa di ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.**

### Bahagian Penguatkuasa:

Bilik Gerakan K. Lumpur	03-4436888/03-4437888
Wilayah Persekutuan K. Lumpur	03-4423555
Kuala Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4433366

### Perlis

Kangar: 04-9761478

### Kedah

Alor Star: 04-7339062

Sg. Petani: 04-4213400

Langkawi: 049660420

### Pulau Pinang

P.Pinang: 04-2616168

Seberang Prai: 04-317500

### Perak

Ipoh: 05-2555001

Taiping: 05-8075044

Teluk Intan: 05-6227967

### Selangor

Shah Alam: 03-5595544

Kajang: 03-8367444

K.Kubu Baru: 03-8042495

### Wilayah Persekutuan

K.Lumpur: 03-4423555

Labuan: 089-417669

### N. Sembilan

Seremban: 06-730372

### Melaka

Melaka: 06-2820422

### Johor

Johor Bahru: 07-2234699

### Kelantan

Kuala Krai: 09-96666368

### Sabah

K.Kinabalu: 088-235702

Sandakan: 089-668291

Tawau: 089-776690

### Sarawak

Kuching: 082-245202

Sibu: 084-331931

Miri: 085-412862

Bintulu: 086-332176

### Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7318277

Butterworth 04-3327793

Ipoh 05-2547913

Kota Bharu 09-7484599

Kuantan 09-553600

K. Terengganu 09-6237170

Johor Bharu 09-2244710

Melaka 06-2821822

### Bahagian Harta Intelek

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-2329955

Kota Kinabalu 088-233571

Kuching 089-428499

Bhg. Hal Ehwal Pengguna 03-2329955

Bhg. Perdagangan Dalam Negeri 03-2329955

### Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7330111

P. Pinang 04-3332081

Ipoh 05-2416900

Kuantan 09-553866

Kota Bharu 09-7482860

Kota Kinabalu 088-233346

Kuching 082-428499

Labuan 087-414100

